

**Bil. 4**

**Isnin**

**13 Mac 2017**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



# KANDUNGAN

## UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Krisis Nyawa Rohingya**  
– *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)* [Halaman 1]
- **Pavilion Malaysia di COP22**  
– *YB. Dr. Ong Kian Ming (Serdang)* [Halaman 3]



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Semborong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRs
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB

18. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO

23. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

55. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jejebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]

21. Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]

30. Yang Berhormat Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P.  
[Bandar Tun Razak]
2. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P.,  
S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P.,  
D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 13 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Krisis Nyawa Rohingya**

**2.32 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Krisis kemanusiaan yang melibatkan etnik Rohingya dan Kerajaan Myanmar mesti diambil berat. Pada 3 Februari 2017, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerbitkan laporan mengenai orang Rohingya yang melarikan diri dari bahagian utara Rakhine ke Bangladesh sejak 9 Oktober 2016. PBB menyimpulkan bahawa serangan terhadap penduduk Rohingya dilaksanakan secara meluas dan sistematik, justeru berkemungkinan besar merupakan 'jenayah terhadap kemanusiaan'.

Keganasan ini bukan sahaja dijalankan oleh Angkatan Tentera Myanmar, pengawal sempadan dan pasukan polis, malah juga penduduk Rakhine biasa bukan berbangsa Rohingya. Akibatnya, penduduk Rohingya cedera, terbunuh ataupun tidak diketahui nasibnya setelah ditangkap. Seramai 66,000 orang melarikan diri ke Bangladesh dan seramai 22,000 orang melarikan diri dari tempat kediaman tetapi masih berada dalam Myanmar.

Disebabkan penglibatan pasukan keselamatan Kerajaan Myanmar, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Kerjasama Islam yang berjiranan dan rakan kongsi dalam ASEAN, mesti menekankan Kerajaan Myanmar bagi menghentikan keganasan terhadap etnik Rohingya menerusi gesaan perbincangan antara kementerian peringkat ASEAN. Ternyata, setelah sekian lama kami bangkitkan penderitaan Rohingya, Kerajaan Malaysia akhirnya memulakan usaha mengatasi krisis ini.

Pada hujung 2016, Menteri Luar Negeri cuba berbincang dengan Kaunselor Myanmar, Aung San Suu Kyi. Pada Februari 2017, kerajaan menghantar 2,300 tan bekalan kepada warga Rohingya. Sebagai kerajaan, Malaysia bukan sekadar mengambil tindakan yang boleh dilaksanakan NGO-NGO kemanusiaan, malahan lebih berimpak lagi.

Tragedi ini wajib di selesaikan secara tuntas. Etnik Rohingya wajib diiktiraf sebagai warganegara Myanmar. Pada 19 Januari 2017, di bawah pengerusian Malaysia, Menteri-Menteri Luar Negeri OIC mengadakan Sesi Tergempar membincangkan keadaan Rohingya di Myanmar. Resolusi dicapai untuk menghapuskan penderitaan Rohingya melalui penegasan kepada Myanmar untuk memulihkan kewarganegaraan Rohingya yang dibatalkan melalui Akta Kewarganegaraan 1982.

Walaupun prinsip tidak campur tangan dengan urusan dalam negara-negara ASEAN diamalkan, isu Rohingya ini sudah menular kepada krisis kemanusiaan serantau ASEAN. Pembunuhan etnik Rohingya bakal meningkatkan risiko keganasan. Selain *Rohingya Solidarity Organization*, kumpulan pemberontak Rohingya baru iaitu Harakah al-Yaqin (HaY) ditubuhkan di kawasan Rakhine.

Mengikuti Kumpulan Krisis Antarabangsa, HaY mempunyai jalinan dengan pertubuhan-pertubuhan jihad antarabangsa seperti Taliban. Mereka menyeru Rohingya di luar Myanmar untuk menyertai kebangkitan terhadap Kerajaan Myanmar dan menggalakkan ulama-ulama mengeluarkan fatwa untuk menjustifikasikan tindak balas bersenjata.

Perdana Menteri menegaskan krisis Rohingya merupakan 'pembunuhan beramai-ramai dan 'pembersihan etnik'. Maka sewajarnya ungkapan itu disertai dengan usaha memimpin negara-negara ASEAN lain untuk menekan Myanmar agar menghentikan penindasan Rohingya.

Saya menggesa Menteri Luar Negeri memberi *respond* kepada permohonan saya agar Laporan PBB, status pengiktirafan kewarganegaraan Rohingya serta usaha mengelakkan ancaman keganasan oleh segelintir etnik Rohingya yang dipengaruhi ideologi ekstremisme akibat pemangsaaan berterusan dibincangkan di peringkat Kementerian ASEAN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### 2.37 ptg.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera.

Saya ucapkan terima kasih pertama Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Parlimen Lembah Pantai di atas rasa peduli yang amat mendalam berkaitan isu ini yang dibangkitkan di bawah Usul Berkenaan Tadbir Kerajaan, Peraturan Mesyuarat 17.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah memainkan peranan utama dalam memberi tekanan ke atas Myanmar dalam menangani masalah yang dihadapi di beberapa kawasan di Wilayah Rakhine.

Punca utama masalah di Wilayah Rakhine adalah Kerajaan Myanmar tidak lagi mengiktiraf etnik Rohingya sejak *Citizenship Law 1982* yang dikuatkuasakan di mana etnik Rohingya tidak dikategorikan sebagai salah satu daripada 135 etnik yang terdapat di Myanmar.

Berikutan itu, etnik Rohingya telah dianggap sebagai *stateless* disebabkan ketiadaan dokumen identiti rasmi dan terpaksa melalui penindasan secara sistematik oleh Kerajaan Myanmar. Penindasan ini termasuk penafian terhadap kebebasan bergerak ataupun *freedom of movement*, akses kepada keperluan asas seperti pekerjaan, makanan, pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Kerajaan Myanmar yang lalu di bawah pimpinan tentera sebelum ini telah memperkenalkan undang-undang pada September 2015 untuk terus menafikan kerakyatan etnik Rohingya dengan menarik semula *white card* yang merupakan kad pengenalan sementara etnik Rohingya. Undang-undang tersebut yang diperkenalkan sejurus sebelum Pilihanraya Umum Myanmar pada bulan November 2015 juga dilihat sebagai salah satu strategi politik pemerintahan tentera pada waktu itu untuk mengekalkan kuasanya di Myanmar dengan melucutkan hak etnik Rohingya untuk mengundi serta menafikan kebebasan mereka dalam bersuara dan berpendapat.

### ■1440

Namun untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, selepas Kerajaan pimpinan Daw Aung San Suu Kyi telah memenangi pilihan raya pada penghujung 2015, Kerajaan Myanmar yang baru telah memulakan projek perintis proses verifikasi ke atas etnik Rohingya pada 7 Jun 2016 di beberapa daerah di Rakhine. Walau bagaimanapun, proses verifikasi tersebut mengalami pelbagai kesukaran teknikal dan akhirnya terpaksa dihentikan buat sementara pada waktu itu.

Pada 8 Februari 2017 sekitar sebulan yang lalu, Kerajaan Myanmar telah menubuhkan *Steering Committee for National Verification Card (NVC) for Rakhine State, for those who will undergo verification process*, dengan izin, untuk mengkaji masalah yang dihadapi serta mencari jalan untuk mempercepatkan proses verifikasi tersebut. Sehingga Februari 2017, sebanyak 6,202 *National Verification Card (NVC)* telah dikeluarkan oleh Kerajaan Myanmar kepada etnik Rohingya.

Melihat kepada perkembangan ini kerajaan juga berpandangan adalah amat wajar Kerajaan Myanmar yang baru terbentuk tidak sampai pun setahun di bawah pimpinan NLD ini diberi masa untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan dalam menangani masalah ini.

Mengenai perbincangan usaha-usaha lain yang diambil oleh kerajaan Menteri-Menteri ASEAN atas gesaan berterusan dan pendirian tegas Malaysia, Myanmar telah menganjurkan sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di Yangon pada 19 Disember 2016 sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Lanjutan mesyuarat tersebut negara-negara anggota ASEAN telah memaklumkan kesediaan mereka untuk memberi bantuan kemanusiaan, pembangunan kapasiti ataupun *capacity building* dan juga ekonomi serta sebarang bentuk bantuan yang diperlukan oleh Kerajaan Myanmar bagi membantu menangani situasi di Wilayah berkenaan. Kerajaan Myanmar juga memaklumkan persetujuan untuk membenarkan memberi kebenaran mereka untuk membuat penghantaran barangan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Rakhine.

Malaysia sekali lagi telah mengetengahkan perkara ini semasa Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di Filipina pada 21 Februari 2017 yang lalu. Di mana Malaysia dan juga rakan ASEAN yang lain komited untuk mencari penyelesaian yang lebih lestari dan berjangka panjang bagi menangani masalah yang dihadapi di kawasan-kawasan yang terjejas di Wilayah Rakhine, khususnya terhadap etnik minoriti di Wilayah tersebut.

Sebagai salah sebuah negara pengasas ASEAN, Malaysia menyedari sepenuhnya akan prinsip-prinsip asas ASEAN khususnya prinsip tidak campur tangan antara negara-negara anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, Malaysia percaya bahawa negara-negara anggota ASEAN juga mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi prinsip-prinsip antarabangsa mengenai penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia seperti juga yang terkandung di dalam Piagam ASEAN dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN.

Mengenai laporan Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (*Office of the High Commissioner for Human Rights- OHCHR*) PBB pada 3 Februari 2017 yang bertajuk *Interviews with Rohingya Fleeing from Myanmar since 9 October 2016*. Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa komuniti antarabangsa seharusnya memikul tanggungjawab secara bersama (*collective responsibility*) ke atas dakwaan berlakunya kes-kes pencabulan hak asasi manusia terhadap etnik Rohingya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Lembah Pantai, Puan Yanghee Lee, Pelapor Khas kepada Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar (*Special Rapporteur on the Situation of Human Rights in Myanmar*) juga menyatakan hasratnya untuk mencadangkan kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM PBB) mengenai penubuhan *Commission of Inquiry* semasa Mesyuarat Sesi ke-34 Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM PBB) supaya siasatan lebih lanjut oleh PBB boleh dilaksanakan untuk menyalut tuduhan pencabulan hak asasi manusia oleh pihak berkuasa Myanmar.

Laporan OHCHR tersebut secara tidak langsung telah membuktikan bahawa tindakan Malaysia yang mengecam jenayah kemanusiaan terhadap etnik Rohingya sebenarnya adalah tepat dari segi moral dan juga kemanusiaan. Malaysia juga mengetengahkan pendiriannya mengenai isu hak asasi manusia di Myanmar termasuk isu Rohingya dalam dialog interaktif bersama Pelapor Khas mengenai Myanmar yang dijadualkan pada 13 Mac 2017 semasa Mesyuarat Sesi ke-34 Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (MHAM PBB) di Geneva. Terima kasih.

## Pavillion Malaysia di COP22

### 2.46 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang memberi ucapan kepada Kamar Khas merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 17. Tajuk saya yang saya hendak bangkitkan ialah tentang Pavillion Malaysia di COP22, Marrakech, Morocco. Semasa Persidangan Konvensyen Kerangka Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Framework Convention on Climate Change-UNFCCC*) yang ke-22 ataupun COP22 pada bulan November, 2016 di *Marrakech, Morocco*, Malaysia telah menganjurkan pavillion buat kali pertama.

Pavilion tersebut telah diadakan sepanjang masa COP22 bersidang iaitu selama dua minggu dari 7 hingga 18 November, 2016. Memandangkan kegiatan sebegini melibatkan sumber kewangan yang agak besar, saya meminta kementerian memaklumkan:

- (i) sumber-sumber pembiayaan perbelanjaan kegiatan pavilion tersebut; dan
- (ii) manfaat-manfaat daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan sepanjang pavilion tersebut.

Saya mengambil maklum bahawa *Forest City*, sebuah syarikat hartanah di Iskandar Malaysia yang juga dikenali sebagai *country garden* merupakan salah seorang peneraju Pavilion Malaysia di Marrakech, Morocco.

Memandangkan kegiatan *Forest City* melibatkan penambakan yang menjejaskan hutan paya bakau di Sungai Pulai, di bahagian barat daya Johor, adakah kementerian menilai kesesuaian *Forest City* sebagai peneraju Malaysia Pavilion di Marrakech, Morocco?

Apakah sumbangan daripada *Forest City* dari segi kewangan, dan adakah model pembangunan *Forest City* dapat meyakinkan pelawat-pelawat antarabangsa ke Malaysia Pavilion bahawa negara ini melaksanakan pembangunan secara mampan dan yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang mengurangkan pelepasan gas rumah hijau? Sekian, terima kasih.

#### 2.47 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, buat julung kalinya Malaysia telah membangunkan pavilion di persidangan COP22. Pembangunan Pavilion Malaysia di UNFCCC ataupun COP22 adalah menggunakan pendekatan *Public Private, Partnership* yang melibatkan penyertaan kementerian agensi kerajaan, pihak swasta, badan antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan. Pembangunan Pavilion Malaysia di Persidangan UNFCCC-COP22 telah diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 22 Disember 2015 supaya Malaysia membangunkan pavilion secara '*public-private partnership*' di Persidangan Ke-22 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC CAP-22) di Marrakech, Morocco pada 7 hingga 18 November 2016.

Perbelanjaan bagi pembangunan pavilion ini adalah dengan menggunakan sumbangan dari pelbagai pihak. Kementerian telah menjemput pelbagai pihak untuk menyumbang serta mengambil bahagian dalam pembangunan serta aktiviti dan program di Pavilion Malaysia di Persidangan UNFCCC-COP22. Salah satu penyumbang kepada pembangunan pavilion ini adalah *Country Garden Pacific View* (CGPV) yang juga mengambil bahagian dalam persidangan tersebut.

Projek pembangunan *Forest City* yang dilaksanakan oleh *Country Garden Pacific View* (CGPV) adalah tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang seperti EIA sebagaimana projek-projek penambakan yang lain.

#### ■1450

Pembangunan Pavilion Malaysia di persidangan CAP-22 adalah untuk mempromosi agenda pertumbuhan hijau (*green growth*) dan pelaksanaan tindakan serta inisiatif perubahan iklim yang dilaksanakan oleh Malaysia. Fokus utama aktiviti Pavilion Malaysia adalah mengenai perhutanan, sumber tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, pengurusan sisa dan pembangunan Bandar rendah karbon. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan oleh agensi-agensi yang berkaitan yang mempromosikan program-program yang telah dilaksanakan di Malaysia seperti berikut:

- (i) *Green Investment Opportunities in Malaysia* oleh *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA);
- (ii) *Overview of E-Waste Management in Malaysia from Industry Perspective* oleh *Shan Poornam Metals Sdn. Bhd.*;
- (iii) *Climate Actions from Malaysian Oil & Gas Industry Sector* oleh *Petroleum Nasional Bhd. (Petronas)*;
- (iv) *Renewable Energy in Malaysia: Strategies and Development* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;

- (v) *Energy Efficiency Strategies in Malaysia* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
- (vi) *Sustainable Cities - Malaysia's Approach (Related to SDG11 - Sustainable Cities and Communities)* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
- (vii) *Energy and Water Nexus in Malaysia* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
- (viii) *Climate Related Studies in Malaysian Universities* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
- (ix) *Malaysia's Flood Mitigation Plan* oleh Jabatan Pengairan dan Saliran; dan
- (x) *Forest City: A Prime Model of a Future City* oleh Country Garden Pacific View.

Selain itu, Pavilion Malaysia juga turut menjadi medan bagi menguruskan pertemuan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga Tuan Yang Terutama Josh Frydenberg semasa Mesyuarat Asia Pacific Rainforest Partnership Roundtable.

Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar juga telah mengadakan pertemuan bilateral dengan wakil Khas Perubahan Iklim United Kingdom, Tuan Yang Terutama Sir David Anthony King yang bertempat di Pavilion Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan semasa pertemuan tersebut adalah mengenai kerjasama dalam bidang perubahan iklim, pelaksanaan *Paris Agreement* dan komitmen negara-negara maju kepada negara-negara membangun dalam perubahan iklim. Antara perjumpaan lain termasuklah bersama *Driss Merroun, Minister of Urbanism Marocco*.

Pembangunan Pavilion Malaysia telah memudahkan urusan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang juga sebagai ketua delegasi Kerajaan Malaysia di dalam persidangan tersebut untuk membuat persediaan sebelum hadir di sesi *High Level Segment* untuk membuat kenyataan *National Statement* di sesi plenari-persidangan. Pavilion ini juga menjadi tempat Yang Berhormat Menteri mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit selepas pertemuan beliau dengan TYT Sir David Anthony King dari United Kingdom serta TYT Josh Frydenberg dari Australia berhubung *Asia-Pacific Rain Forest Summit*. Yang Berhormat Menteri juga telah mengadakan sesi perbincangan dengan golongan belia yang diwakili oleh *Malaysian Youth Delegation (MYD)* di Pavilion Malaysia.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri juga telah menerima anugerah daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi pihak Ericsson Malaysia & Sri Lanka atas inovasi konglomerat tersebut menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam program penanaman pokok bakau di Malaysia.

Di peringkat pegawai tertinggi kerajaan pula, Pavilion Malaysia telah menjadi medan utama bagi beberapa sesi perbincangan dua hala. Di antara wakil negara dan pertubuhan dunia yang telah mengunjungi Pavilion Malaysia bagi membincangkan isu perubahan iklim adalah Jepun, Mexico dan Sekretariat UNFCCC. Selain itu, Pavilion Malaysia juga menjadi lokasi perbincangan kumpulan perunding di bawah pakatan *Like-Minded Developing Countries (LMDC)* bagi menyelaras pendirian kumpulan ini sebelum berhadapan dengan negara maju semasa perundingan di peringkat UNFCCC.

Pavilion Malaysia juga menjadi lokasi bagi negara menghebahkan peluang pelaburan yang ditawarkan di Malaysia serta potensi produk pelancongan yang menarik bagi para pengunjung di persidangan ini. *Booth* penerangan serta petugas pavilion dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah memanfaatkan pavilion ini bagi tujuan promosi kepada para pengunjung dari pelbagai negara parti yang hadir ke persidangan ini. Antara aktiviti yang dijalankan oleh pihak MOTAC dan MIDA termasuklah sesi penerangan melalui pembentangan, pengedaran brosur dan risalah berkaitan, tayangan video dan klip promosi serta konsultasi secara *one-on-one* dengan para pengunjung yang hadir di pavilion ini.

Kemuncak aktiviti di Pavilion Malaysia ialah pelancaran *Reducing Emissions from Deforestation and Degradation* dan *Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries (REDD+) Day*.

Semasa majlis ini, Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyerahkan REDD+ *Safeguards Summary Information System* (REDD+ SIS) kepada wakil UNFCCC. Penyerahan REDD+ SIS adalah susulan daripada *Malaysia's Submission on Reference Levels for REDD+ Result Based Payment under UNFCCC* yang dikemukakan semasa persidangan COP-20 di Lima, Peru pada tahun 2014. Kedua-dua dokumen ini adalah penting untuk membolehkan Negara mengakses *results-based payments* bagi program REDD+ daripada dana antarabangsa atau negara penyumbang (*donor countries*). Sekian, terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]***